

# Hafizh dijangka berlumba dalam hujan

AKAD, 26/8/18, BH, ms 67

**Silverstone:** Hafizh Syahrin Abdullah berkemungkinan bakal beraksi dalam keadaan hujan pada perlumbaan Grand Prix (GP) British lewat hari ini.

Sekiranya ramalan cuaca itu tepat, Hafizh yang sebelum ini dikenali sebagai 'raja litar basah' ketika di kelas Moto2 bakal beraksi dalam keadaan trek basah buat pertama kalinya di trek Silverstone selepas 11 pusingan sebelum ini berlangsung dalam keadaan kering.

Pelumba Monster Yamaha Tech3 itu berkata, dia hanya sekali dapat menunggang jenteranya dalam keadaan hujan ketika di GP Austria dua minggu lalu namun ia hanya pada sesi latihan bebas.

"Bagi saya perlumbaan dalam hujan bukan sesuatu yang senang dan susah juga kerana motosikal terlalu kuat," katanya.

## Semua pelumba laju

"Sekiranya hujan, ini pertama kali saya berlumba dalam hujan dengan menggunakan kawalan cengkaman.

"Saya belum dapat berasakan kesesuaian dengan jentera Yamaha dalam hujan.

"Walaupun pada sesi latihan bebas dua minggu lalu hujan, ramai pelumba yang tidak keluar kerana hujan terlalu lebat dan berbahaya.

"Ketika itu, saya tak dapat melakukan banyak pusingan. Sekiranya hujan (hari ini), saya juga mengharapkan cuaca sama ketika sesi pemanas badan supaya dapat menyesuaikan diri dan bersedia untuk perlumbaan.

"Bagi saya, pelumba MotoGP kesemuanya laju jadi saya perlu melakukan yang terbaik ketika perlumbaan nanti."

Pada hari pertama GP British, Hafizh menamatkan kedua-dua sesi latihan bebas dengan berada di tempat ke-18, mencatat masa terpantas pada sesi kedua, 2 minit 3.293 saat.



Sekiranya hujan (hari ini), saya juga mengharapkan cuaca sama ketika sesi pemanas badan supaya